



## **GARIS PANDUAN 4**

### **PERMOHONAN PELANTIKAN JAWATANKUASA SURAU**

**MASJID DAN SURAU  
NEGERI PULAU PINANG**

**TAHUN 2016**

## GARIS PANDUAN 4

### PERMOHONAN PELANTIKAN JAWATANKUASA SURAU

---

#### 1 TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam menguruskan permohonan pelantikan jawatankuasa surau di Negeri Pulau Pinang.

#### 2. RUJUKAN

- 2.1 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) Tahun 2004
- 2.2 Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang) Tahun 1997 dan pindaan Tahun 2003.

#### 3. SINGKATAN

- AJK : Ahli Jawatankuasa
- JHEAIPP : Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
- JKR : Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang
- JMNPP : Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
- MAINPP : Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
- PMS : Pengurusan Masjid dan Surau,  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
- YDP : Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

#### 4 Jawatankuasa surau hendaklah membuat permohonan dengan mengisi **Borang 4.**

#### 5 Pemohon mengemukakan dokumen seperti berikut;

- 5.1 Borang 4 yang lengkap.
- 5.2 Salinan sijil pendaftaran surau.
- 5.3 Salinan kad pengenalan AJK dan pegawai surau.
- 5.4 Salinan minit mesyuarat agong surau.

#### 6 Sijil pelantikan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan.